

# Shanmugam kecam kekejaman ISIS



ENCIK SHANMUGAM

16 Aug 2014

HISHAM HASIM

MENTERI Ehwat Luar, Encik K. Shanmugam, menyifatkan tindakan ganas oleh Pergerakan Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS) ke atas orang awam, termasuk kanak-kanak dan wanita, sebagai "tragedi kemanusiaan amat besar".

Menulis di Facebooknya di bawah tajuk Jenayah terhadap kemanusiaan semalam, Encik Shanmugam, yang juga Menteri Undang-Undang, berkata dunia digemparkan oleh kekejaman yang dilakukan pihak radikal yang ada kaitan dengan ISIS sejak beberapa minggu lalu.

"Imej-imej itu amat menjengkelkan. Saya amat terkejut mendapati seorang ayah boleh membenarkan anaknya yang berusia tujuh tahun memegang kepala seorang pejuang Syria yang telah dipenggal - itu amat memualkan," kata Encik Shanmugam.

Beliau merujuk kepada gambar lelaki dari Australia itu dan anak lelakinya yang tersebar luas di media sosial baru-baru ini.

Gambar yang dipetik di bandar Raqqa, di utara Syria, itu dipaparkan di akaun Twitter lelaki Australia itu, Khaled Sharrouf, yang melarikan diri ke Syria tahun lalu dan kini menganggotai kumpulan militan Negara Islam (IS), dulunya ISIS.

Dalam posnya Encik Shanmugam turut memuat naik gambar anak Khaled itu serta satu lagi gambar yang memaparkan kekejaman konflik di Syria, yang turut melibatkan kanak-kanak.

Menurut Encik Shanmugam, sekitar 180,000 jiwa telah terkorban dalam konflik di negara itu sejak dua tahun lalu.

"Puluhan ribu rakyat Iraq dilapor terbunuh dan banyak penduduk dan keluarga kehilangan tempat tinggal. Mangsa termasuk ribuan kanak-kanak dan wanita tidak berdosa.

"Ini satu tragedi kemanusiaan amat besar," ujarnya.

Encik Shanmugam pernah melahirkan sebelum ini keprihatinannya mengenai konflik di Syria, dan memuji sambutan masyarakat Singapura dalam usaha mengumpul dana bagi membantu meringankan kesengsaraan mangsa konflik itu.

Ini termasuk Kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) anjuran Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan SimplyIslam, yang telah mengumpul hampir \$400,000 bagi penduduk Syria.

Kelmarin, keprihatinan sama diluahkan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, yang melahirkan rasa terkejut beliau selepas melihat gambar budak itu.

Encik Masagos berkata orang Islam dilarang melakukan perbuatan mencemar tubuh manusia, yang hidup mahupun mati dan semasa aman mahupun dalam peperangan.

"Dari perspektif yang luas, serangan pihak IS di Iraq dan Syria dan kesemua tindakan ganas terhadap orang awam mencerminkan ancaman serius kepada kestabilan rantau dan harus dikecam," tambah Encik Masagos.

---

## **SEDUTAN KHUTBAH JUMAAT**

"Perbuatan ISIS bukan sahaja jauh daripada Islam, akan tetapi ia memburukkan imej Islam dan Muslimin di kaca mata masyarakat dunia. Yang menjadi mangsa sebenarnya dalam konflik tersebut ialah penduduk tempatan dan masyarakat awam yang tidak berdosa. Kanak-kanak yang menjadi yatim piatu serta hilang kesempatan untuk meneruskan pengajian. Ibu yang kehilangan anak mereka. Rumah yang hancur musnah, sebagaimana harapan masa depan yang semakin kabur."

---